

13/08/1999

Napsiah yakin mesyuarat mampu selesai masalah

SEREMBAN, Khamis - Naib Ketua Wanita Umno, Datuk Napsiah Omar, yakin mesyuarat Exco Wanita Selasa depan dapat menyelesaikan segala masalah dan pergolakan yang dihadapi pergerakan itu.

Sambil mengalu-alukan langkah ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, memanggil mesyuarat berkenaan, Napsiah yang juga Ahli Exco negeri berkata, mesyuarat itu memang ditunggu oleh semua ahli Exco Wanita malah hasil daripadanya mahu diketahui seluruh ahli.

"Langkah memanggil mesyuarat secepat mungkin memang kena masanya kerana ini selaras dengan arahan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya pergerakan itu mengadakan mesyuarat dua minggu sekali.

"Saya yakin semua ahli Exco Wanita akan diberikan penjelasan perkara yang berkaitan dan perkembangan yang berlaku baru-baru ini selain berpeluang memberikan pandangan untuk kepentingan bersama dalam suasana muhibah dan aman," katanya selepas majlis pertemuan antara Perdana Menteri dengan pegawai serta kakitangan kerajaan di Dewan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) di sini, hari ini.

Pengumuman memanggil mesyuarat berkenaan yang akan diadakan di ibu pejabat Umno, di Kuala Lumpur dibuat oleh Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, semalam.

Khalil, berkata tarikh mengadakan mesyuarat itu ditetapkan sendiri Zaharah yang antara lain akan membincangkan tanggungjawab dan sumbangan wanita dalam membantu jentera parti dan Barisan Nasional (BN) menghadapi pilihan raya umum.

(END)